

Penswastaan pilihan tepat: Najib

BH - 22/3/2007

Oleh Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Kerajaan membuat keputusan tepat apabila memilih untuk menyertai sistem perdagangan dunia menerusi kaedah penswastaan lebih 20 tahun lalu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata hasil pelaksanaan dasar terbuka itu, negara meraikan kisah kejayaan kumpulan pertama entiti yang terbabit dalam dasar itu.


"Kepemimpinan negara ketika itu sedar lebih awal bahawa masa depan bergantung kepada dasar terbuka dan kini hasilnya kita melalui pertumbuhan ekonomi yang tepat.

"Sebaliknya, negara yang mengamalkan dasar tertutup menyebabkan kejayaan negara itu berbeza berbanding kita yang memilih untuk menyertai negara perdagangan dunia.

"Bagaimanapun, persediaan perlu untuk menghadapi banyak cabaran dan persaingan dalam ekonomi dunia masa depan," katanya pada majlis sambutan ulang tahun ke-21 penswastaan Northport (Malaysia) Bhd, anak syarikat NCB Holdings Bhd (NCB), di sini, malam tadi.

Turut hadir Datin Seri Rosmah Mansor, Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Tengku Azlan Sultan Abu Bakar dan Pengerusi NCB Holdings Bhd (NCB), Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Syarikat pengendali pelabuhan dengan dana pemegang saham melebihi RM1 bilion itu memiliki dan mengendalikan 15 dermaga khas untuk pengendalian kargo pukal, pukal kering dan pukal cecair, di samping



SAMBUTAN ULANG TAHUN: Najib menandatangani plak sempena ulang tahun ke-21 penswastaan Northport (Malaysia) Bhd, di Kuala Lumpur, malam tadi. Turut hadir, Rosmah (kiri) dan Ahmad Sarji (tiga dari kanan).

13 dermaga kontena di Pelabuhan Klang.

Ia kini mempunyai 70 pelanggan daripada syarikat perkapalan dan 30 daripadanya adalah syarikat utama dunia. Penswastaan Northport mendapat pengiktirafan Bank Dunia mengenai pengenalan insentif bonus, penggunaan teknologi dan penyusunan semula tenaga kerja.

Najib juga memberi contoh NCB sebagai entiti yang kini mengecapi kejayaan hasil pelaksanaan dasar penswastaan bagi sektor pelabuhan.

"Northport adalah antara entiti pertama diswastakan dan ia melambangkan kisah kejayaan negara dalam melaksanakan dasar itu," katanya.

Najib berkata, selain melaksanakan dasar strategi itu,

kerajaan sedar bahawa operasi pelaburan sukar berjaya jika dikendalikan kerajaan.

"Bukan untuk tidak menidakkan keupayaan jabatan kerajaan tetapi kerana keutamaan kerajaan adalah bidang pentadbiran bukan perniagaan," katanya.

Beliau berkata, kejayaan yang di-

peroleh sekarang juga kerana negara mempunyai aset dari segi tenaga kerja, infrastruktur, polisi dan perundangan yang sesuai untuk urus niaga perdagangan dunia.

"Kita patut berbangga dengan kejayaan ini kerana ia juga hasil kerjasama swasta dan awam untuk memastikan dasar ini lebih berdaya saing," katanya sambil menambah perlu ada komitmen semua pihak untuk memperbaiki sistem penyampaian terutama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Sementara itu, Ahmad Sarji berkata, Northport yang mengendalikan kira-kira 2.7 juta TEU kontena setahun menetapkan sasaran untuk mencapai 70 peratus keuntungan bersih selaras strategi jangka panjang syarikat itu.

"Pelbagai rancangan dirangka untuk memastikan Northport maju dan bersaing dalam industri ini seperti pembesaran kemudahan merapat kapal generasi terbaru, penggunaan peralatan moden dan meningkatkan keupayaan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT)," katanya.

FAKTA NOMBOR

Northport (Malaysia) Bhd

RM1b

Dana pemegang saham

15

Dermaga khas dikendalikan

2.7 juta

TEU kontena dikendalikan setahun